

RPTM 2026-2035 tak lagi ulangi retorik reformasi pendidikan tinggi

- RPTM bina unsur reflektiviti dan penambahbaikan berterusan ke dalam logik reformasinya. Ini membezakannya daripada pelan terdahulu yang dinilai penghujung pelaksanaan, bukan diperhalusi sepanjang proses
- Menerusi penginstitutionan sokongan kebajikan serta pelaksanaan program pembangunan kepimpinan, RPTM membina keupayaan demokratik pelajar secara praktikal dan berperingkat



Bekas Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Datuk Dr Mohd Foad Sakdan
 bhrencana@bh.com.my

Saya membaca artikel 'Finding Academic Freedom Reform in Malaysia's Higher Education Plan (RPTM) 2026-2035' tulisan bekas Menteri Pendidikan, Prof Dr Maszlee Malik.

Saya bersetuju dengan Maszlee apabila beliau menegaskan kebebasan akademik mesti dilindungi menerusi struktur kukuh, bukan sekadar pernyataan normatif atau komitmen retorik.

Pandangan ini mencerminkan keresahan lama komuniti akademik tempatan terbentuk hasil pengalaman reformasi tidak seimbang serta dasar terlalu bergantung kepada personaliti individu.

Namun, kritikan beliau terhadap Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 sebahagiannya berpunca daripada pembacaan terhad terhadap reka bentuk, niat dan trajektori pelaksanaan pelan berkenaan.

Bertentangan dengan tanggapan RPTM sekadar mengitar semula andai lama dalam bentuk slogan baharu, pelan ini sebenarnya menandakan peralihan strategik jelas daripada reformasi berasaskan individu kepada transformasi institusi berlandaskan undang-undang, bersifat sistemik dan merentas keseluruhan ekosistem pendidikan tinggi.

RPTM tidak menafikan kelemahan struktur dikenal pasti oleh Maszlee. Sebaliknya, kelemahan berkenaan diakui terbuka dan dijadikan asas kepada cadangan pembaharuan melangkaui pembaikan pentadbiran bersifat sementara.

Lebih penting lagi, RPTM dirangka sebagai dokumen 'hidup'. Dengan meletakkan RPTM sebagai kerangka berkembang, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengiktiraf tadbir urus pendidikan tinggi mesti sentiasa menyesuaikan diri dengan cabaran baharu, perubahan konteks politik, gangguan teknologi dan norma akademik global.

Pelan ini tidak mendakwa kesempurnaan sejak awal, sebaliknya membina unsur reflektiviti dan penambahbaikan berterusan ke dalam logik reformasinya. Ini membezakan RPTM daripada pelan terdahulu yang lazimnya dinilai hanya di penghujung tempoh pelaksanaan, bukan diperhalusi sepanjang proses.

Pendekatan dinamik ini amat signifikan dalam konteks kebebasan akademik. RPTM tidak mengandaikan isu kompleks seperti autonomi, tadbir urus dan penyertaan boleh diselesaikan menerusi satu pindaan undang-undang atau rombakan struktur secara mendadak.

Sebaliknya, ia mengiktiraf keperluan pengaturan reformasi, pembelajaran institusi dan penyesuaian berperingkat. Dengan itu, reformasi dibingkakan sebagai proses reka bentuk semula sistem yang berterusan, bukan sebagai kejutan sekali lalu.

Antara kritikan utama Maszlee ialah kegagalan reformasi lalu yang tidak berakar dalam perundangan menyebabkan kebebasan akademik bergantung kepada budi bicara menteri atau naib canselor. Diagnosis ini, ironinya, adalah isu secara langsung cuba ditangani RPTM.

Di bawah Lonjakan 5: Tadbir Urus Tangkas dan Berdaya Tahan, pelan ini mengiktiraf sistem pendid-

dikan tinggi Malaysia sudah lama dilemahkan kerangka undang-undang terpisah antara universiti awam (UA), institusi swasta dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sekaligus mewujudkan ketidaksamaan autonomi, akauntabiliti dan hak pelajar.

Cadangan pembentukan Akta Satu Pendidikan Tinggi (OHEA) bertujuan menyelaraskan prinsip tadbir urus, kebebasan akademik dan tanggungjawab institusi merentas keseluruhan sistem. Autonomi tidak lagi dilihat sebagai keistimewaan terpilih tetapi norma dijamin undang-undang.

Pendekatan berperingkat, berimbang

Dalam isu tadbir urus universiti, khususnya kebimbangan terhadap dominasi eksekutif, RPTM memilih pendekatan berperingkat dan berimbang. Daripada merombak struktur secara mendadak, pelan ini menekankan pengukuhan lembaga universiti menerusi pelantikan berasaskan keupayaan, penilaian keberkesanan lembaga serta pemisahan jelas antara peranan pengawasan strategik dan pengurusan eksekutif.

Pendekatan ini bertujuan mengurangkan kuasa budi bicara tidak terkawal tanpa menggugat kestabilan institusi besar.

RPTM juga memperkenalkan Kerangka Tadbir Urus Terangkum (IGF) yang memformalkan penyertaan akademik, pelajar, industri dan komuniti sebagai komponen teras proses membuat keputusan. Ini menandakan peralihan daripada model hierarki kepada tadbir urus partisipatif direka bentuk secara institusi, bukan sekadar eksperimen bersifat episodik.

Dalam soal pemerkasaan pelajar, kritikan bahawa pelajar masih dilihat semata-mata sebagai subjek kawal selia juga tidak sepenuhnya mencerminkan realiti semasa. Di bawah kepimpinan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, pemerkasaan pelajar digerakkan melalui pindaan undang-undang konkrit dan substantif.

Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bagi tempoh 2023-2024 menunjukkan pengalihan semula kuasa signifikan kepada pelajar.

Majlis perwakilan pelajar kini diberikan kebenaran undang-undang untuk mengutip dan mengurus dana sendiri, membuka serta mentadbir akaun bank dan menjalankan proses pilihan raya secara bebas tanpa campur tangan pentadbiran universiti.

Lebih penting lagi, kuasa disiplin dikeluarkan daripada bidang kuasa naib canselor dan dipindahkan kepada jawatankuasa disiplin pelajar yang bebas dan berasingan daripada autoriti eksekutif universiti.

Reformasi ini secara langsung menangani kelemahan struktur dikenal pasti Maszlee, khususnya berkaitan ketiadaan autonomi kewangan dan organisasi dalam kalangan pelajar. Ia mencerminkan peralihan jelas daripada konsep kebebasan bersyarat kepada tadbir urus sendiri pelajar diinstitutionkan dan dilindungi undang-undang.

Selari dengan itu, RPTM turut mengiktiraf kebebasan tidak disokong kebajikan, kapasiti institusi dan pembangunan kepimpinan berisiko menjadi simbolik dan tidak berkesan. Kebebasan tanpa prasyarat material dan sokongan struktur hanya akan melahirkan keterlibatan rapuh, bersifat episodik atau elitis.

Justeru, menerusi penginstitutionan sokongan kebajikan serta pelaksanaan program pembangunan kepimpinan, RPTM membina keupayaan demokratik pelajar secara praktikal dan berperingkat.

Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja diberikan ruang untuk bersuara, tetapi dididik untuk menterjemahkan suara berkenaan kepada tindakan dan idealisme kepada tanggungjawab kolektif.

Pemerkasaan pelajar, dalam kerangka RPTM, tidak lagi difahami sebagai ketiadaan kawalan semata-mata, tetapi sebagai kehadiran keupayaan, iaitu gabungan autonomi, sokongan institusi dan latihan kepemimpinan membolehkan penyertaan matang, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam tadbir urus universiti.

Kesimpulannya, RPTM tidak boleh ditolak sebagai retorik pentadbiran. Reformasi dicadangkan berakar dalam undang-undang, dilaksanakan berperingkat, memindahkan kuasa sebenar kepada pelajar serta memahami kebebasan akademik memerlukan reka bentuk sistem kukuh.

